

16 OCT 1996

MAHATHIR: BN TAK PERLU BELI WAKIL RAKYAT PAS

KUALA LUMPUR, 16 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata UMNO tidak perlu membeli wakil rakyat Pas untuk membolehkan Barisan Nasional (BN) menerajui pucuk pemerintahan negeri Kelantan.

"Kita tidak perlu pada mereka. Kita tidak perlu beli mereka," katanya apabila ditanya mengenai adanya usaha membeli wakil rakyat Pas bagi membolehkan BN memerintah negeri itu.

"Saya tak tahu apa-apa mengenainya," katanya kepada pemberita di bangunan Parlimen.

"Kalau mereka nak masuk itu lainlah ... tapi bila dah masuk jangan pula kata kita beli," katanya.

Perdana Menteri berkata semasa bekas anggota dan pemimpin Parti Melayu Semangat 46 mahu menyertai semula UMNO, UMNO tidakpun membeli mereka.

Mengenai titah Sultan Kelantan supaya kerajaan Pas bekerjasama dengan kerajaan Pusat, Dr Mahathir berkata kerajaan pusat sentiasa mengalu-alukan kerjasama dengan kerajaan Kelantan.

Dr Mahathir berkata beliau tidak nampak sebab apa kerajaan Pas tidak boleh bekerjasama dengan kerajaan pusat.

"Kita alu-alukan kerjasama dengan kerajaan Pas. Memangpun kita bekal wang yang banyak kepadanya (kerajaan Pas)," katanya.

-- BERNAMA

ARA AHH